

10/11/1998

3 jawatan PM tidak bercanggah

LANGKAH Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memegang tiga jawatan serentak, termasuk Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kewangan Pertama, tidak bercanggah dengan Peraturan Lantikan Anggota Pentadbiran.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Nazri Tan Sri Aziz, ketika menjelaskan perkara itu berkata, berdasarkan peraturan itu, seseorang menteri boleh memegang lebih daripada satu portfolio pada satu-satu masa.

"Keadaan ini tidak seharusnya menjejaskan kepentingan negara. Malah, kerana kepentingan negaralah Perdana Menteri mengambil pengawasan penuh dalam Kementerian Kewangan supaya segala arahnya untuk mengatasi kegawatan ekonomi pasti dilaksanakan kementerian itu," katanya kepada soalan Karpal Singh (DAP-Jelutong).

Terdahulu, suasana kecoh seketika apabila Karpal mempersoalkan kedudukan Nazri menjawab soalan itu yang beliau tujukan kepada Perdana Menteri.

Beliau yang mahukan jawapan terus daripada Perdana Menteri berkata: "Ini satu soalan yang perlukan jawapan daripada Perdana Menteri, bukannya Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Siapa dia?"

Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tun Mohamed Zahir Ismail, kemudiannya berkata timbalan menteri juga boleh menjawab soalan itu dan meminta Nazri meneruskan menjawab soalan berkenaan.

Dalam soalan tambahannya, Karpal turut mempersoalkan keupayaan Dr Mahathir untuk memegang tiga jawatan serentak dan menjalankan tugas dengan baik kerana kononnya sudah uzur pada umur 73 tahun.

"Yang Dipertua, Tun Speaker pun 70 lebih tapi masih kuat. Saya ingat umur tidak bangkit. Kalau Yang Berhormat Jelutong tanya sama ada dia minat, kerana minatnya beliau pegang tiga jawatan," kata Nazri.

Kepada soalan tambahan Wan Mohd Jamin Wan Mahmood (PAS-Tumpat) mengenai kemungkinan kerajaan membataskan seseorang menteri memegang lebih daripada satu jawatan, Nazri berkata pada masa ini kerajaan tidak berhasrat berbuat demikian.

"Macam di Kelantan pun, Pas memerintah dan Menteri Besar pegang banyak portfolio. Jadi, apa pasal dia ingat Menteri Besar boleh pegang jawatan banyak dan Perdana Menteri tidak boleh," katanya.

(END)